

# DEB terus BH - 30/7/2007 dilaksana, lahir ramai usahawan

**R**AUB: Kerajaan akan memastikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) terus berkembang dan berupaya melahirkan lebih ramai usahawan Melayu terutama di kawasan luar bandar bagi mendokong usaha membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata DEB akan terus dilaksanakan walaupun 100 tahun lagi untuk memastikan matlamat melahirkan lebih ramai usahawan Melayu tercapai.

"Kita tiada tempoh untuk pelaksanaan DEB kerana orang Melayu terutama usahawan muda masih memerlukan bantuan dan pinjaman daripada kerajaan.

"Justeru, kementerian yang turut bertanggungjawab melahirkan lebih ramai usahawan Melayu akan menggunakan segala instrumennya bagi mencapai hasrat yang terkandung dalam DEB," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Perasmian Gerak Usahawan, Showcase Usahawan dan Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI) peringkat negeri di sini, semalam.

Bagi mencapai matlamat itu, Mohd Khaled berkata, antara lain kerajaan akan terus menubuhkan Majlis Pembangunan Usahawan Daerah (MPUD) di seluruh negara termasuk lima lagi di Pahang.

Katanya, kini 78 MPUD sudah ditubuhkan di seluruh negara dan Pahang akan menerima lima lagi MPUD iaitu di Temerloh, Bera, Rompin, Maran dan Cameron Highlands.

"Tujuan utama MPUD adalah untuk terus membimbing, membantu dan menjana setiap usahawan di setiap daerah bagi memastikan golongan ini dapat meningkatkan perniagaan mereka.

"Kementerian memperuntukkan RM60,000 bagi setiap MUPD dan akan terus menambah peruntukan itu, sekiranya usaha setiap MUPD berjaya sejajar dengan apa yang dihasratkan," katanya.

Selain itu, katanya, kementeriannya juga sudah memperuntukkan RM100 juta bagi skim pinjaman siswazah untuk mereka yang berminat menjalankan perniagaan di bawah skim berkenaan.